

# ALKITAB

*Siri Asas Kepercayaan Kristian*

# **Alkitab**

## Siri Asas Kepercayaan Kristian

Siri ini mempunyai 18 tajuk yang membincangkan beberapa asas kepercayaan (doktrin) Kristian. Jaroslav Pelikan, seorang ahli sejarah gereja mendefinisikan doktrin Kristian seperti berikut: "Doktrin Kristian adalah apa yang dipercayai dan diajarkan oleh gereja." Jadi, apa yang kita akan perhatikan adalah kepercayaan-kepercayaan asas tentang kebenaran di dalam ajaran Kristian.

Buku kecil ini disusun sedemikian rupa untuk kegunaan peribadi atau dalam kelompok kecil. Jangan hairan kalau ramai orang Kristian, terutama generasi muda, yang tidak memahami beberapa asas kepercayaan Kristian, sehingga iman mereka mudah diganggu-gugat dan dipesongkan oleh pihak-pihak tertentu.

Semoga buku-buku dalam siri ini akan membantu anda, anak anda serta jemaat gereja anda untuk bertumbuh dalam pemahaman tentang asas-asas kepercayaan Kristian.

**Cetakan Pertama: Mei 2015  
Dicetak di Malaysia**

Petikan Alkitab diambil dari Alkitab Bahasa Malaysia (Berita Baik) dan Alkitab Terjemahan Baru Indonesia.

# Alkitab

<sup>16</sup> Semua yang tertulis di dalam Alkitab dilihami oleh Allah dan berguna untuk mengajar apa yang benar, untuk menegur dan membetulkan apa yang salah, dan untuk mengajar orang supaya hidup menurut kehendak Allah. <sup>17</sup>Dengan Alkitab, orang yang mengabdikan diri kepada Allah dapat dilengkapi dengan sempurna untuk melakukan segala macam pekerjaan yang baik.

(2 Timotius 3:16,17)

**A**lkitab bererti ‘kitab atau buku’. Tetapi kitab yang bagaimanakah Alkitab ini? Perkataan yang pertama dalam Alkitab adalah: “Pada mulanya Allah....” Jadi, ia adalah sumber utama bagi orang Kristian untuk mengenal Allah Sang Pencipta. Semua asas kepercayaan Kristian terdapat di dalam Alkitab.

## A. Bagaimana Kita Mendapat Alkitab

### 1. Tulisan yang Dilhami oleh Allah

- a) Alkitab merupakan Firman Allah yang tertulis. Sumbernya ialah Allah Sendiri. Apakah yang dinyatakan dalam 2 Timotius 3:16,17 tentang sumber Alkitab?

“Hal itu demikian kerana tidak ada nubuat yang disampaikan oleh para nabi, berasal daripada kehendak manusia. Tetapi Roh Allah menguasai orang semasa mereka menyampaikan perkhabaran yang datang daripada Allah.” (2 Pet 1:21)

Baca 2 Petrus 1:21. Dari manakah nubuat itu berasal?

Allah Roh Kudus mengilhami Kitab-kitab Suci. Istilah yang digunakan di dalam 2 Timotius 3:16 ialah ‘diilhami oleh Allah.’ Allah ‘meghembuskan’ firman-Nya kepada manusia yang dipilih-Nya sebagai alat-Nya sehingga mereka diilhami untuk menulis apa yang telah diberi kepada mereka.

- b) Kitab-kitab Suci tidak ditulis secara mekanikal ataupun ditentukan oleh arahan. Allah tidak akan sewenang-wenangnya mengambil alih fikiran dan tangan seorang pengarang untuk menulis. Ia juga bukan coretan seorang juru tulis

yang mana pengarangnya sekadar menyalin apa yang dikatakan oleh Allah. Sebaliknya, pengarang menulis dengan penuh hemat tetapi Tuhan telah menyediakan mereka dengan latar belakang, kebudayaan, pendidikan dan pengalaman supaya mereka boleh memilih dan menulis perkataan yang betul. Pengarang mungkin tidak menyedari bahawa tulisan mereka akan menjadi sebahagian daripada Kitab Suci. Akan tetapi mereka tahu bahawa apa yang mereka katakan berasal daripada Allah. Oleh itu, hasil tulisan mereka adalah benar dan tepat.

## 2. Pengkanonan Alkitab

- a) ‘Kanon’ bererti ‘penggaris atau pengukur yang digunakan sebagai alat ukur’. Tetapi akhirnya istilah itu bertukar maksud menjadi ‘piawaian’. Ia digunakan untuk mengenal pasti satu koleksi buku-buku, yang diakui sebagai bahan yang asli dan berwibawa. Khusus untuk Kitab Suci, ia bermaksud satu senarai kitab-kitab dan tulisan yang telah diterima secara rasmi sebagai dasar panduan iman dan kehidupan kita secara menyeluruh.
- b) Bagaimana Pengkanonan Ditentukan
  - i) Kewibawaan Penulis-PenulisSebahagian besar daripada kitab-kitab ditulis oleh individu-individu yang telah dikenali ramai sebagai orang yang dipilih oleh Allah untuk menyatakan kehendak-Nya, contohnya,

nabi-nabi dalam Perjanjian Lama. Di dalam Perjanjian Baru, kriteria asas yang menjadi pengukur kewibawaan sesebuah tulisan ialah adakah penulis itu seorang rasul atau yang rapat dengan rasul. Sebagai contoh, Markus merupakan sekutu rasul Petrus. Pengarang itu sendiri sering mendakwa kata-kata dan hasil tulisan mereka adalah berwibawa.

<sup>46</sup> Dia berkata, “Kamu mesti patuh kepada semua perintah yang aku berikan kepada kamu hari ini. Beritahukanlah semuanya kepada anak-anak kamu, supaya mereka taat dengan setia kepada segala ajaran Allah. <sup>47</sup>Ajaran ini bukanlah kata-kata kosong, tetapi ajaran ini adalah nyawa kamu. Taatilah semuanya supaya kamu panjang umur di tanah di seberang Sungai Yordan, tanah yang segera akan kamu duduki.” (Ul 32:46,47)

Baca Ulangan 32: 46, 47. Apakah pendapat Musa tentang Hukum Taurat?

“Dialah murid, yang memberi kesaksian tentang semuanya ini dan yang telah menuliskannya dan kita tahu, bahwa kesaksiannya itu benar.” (Yoh 21:24)

Rujuk Yohanes 21:24. Apakah kesaksian Yohanes sendiri tentang tulisannya?

“Oleh itu, ketika kami menjelaskan hal-hal tentang Allah kepada orang yang mempunyai Roh Allah, kami tidak berkata-kata menurut kebijaksanaan manusia, tetapi menurut ajaran Roh Allah.”  
(1 Kor 2:13)

“Jika seseorang menganggap dirinya mempunyai kurnia untuk menyampaikan perkhabaran daripada Allah, atau mempunyai kurnia lain daripada Roh Allah, orang itu harus sedar bahawa apa yang aku tuliskan ini perintah daripada Tuhan.”  
(1Kor 14:37)

Baca 1 Korintus 2:13 dan 14:37 untuk mengetahui pendapat Paulus tentang pengajarannya.

<sup>18</sup>Aku, Yohanes, dengan sungguh-sungguh memperingatkan setiap orang yang mendengar kata-kata nubuat kitab ini: Jika seseorang menambahkan apa sahaja pada nubuat ini, Allah juga akan menambahkan hukumannya dengan malapetaka yang digambarkan di dalam kitab ini. <sup>19</sup>Jika seseorang mengurangkan kata-kata nubuat di dalam kitab ini, Allah juga akan mengambil balik hak orang itu untuk makan buah pokok sumber kehidupan dan haknya untuk tinggal di kota suci itu, seperti yang digambarkan di dalam kitab ini. (Why 22:18,19)

Kitab terakhir di dalam Alkitab berakhir dengan satu amaran di Wahyu 22:18,19. Bagaimanakah anda menggambarkan amaran tersebut dengan kata-kata anda sendiri? Apakah gambaran yang cuba disampaikan oleh ayat-ayat ini tentang sifat Kitab Suci?

### ii) Bukti Luaran

Persetujuan di kalangan masyarakat Kristian berkenaan dengan kesahihan sesebuah kitab adalah sangat penting. Terdapat satu persetujuan yang mengejutkan berkaitan dengan senarai kitab-kitab yang manakah yang dianggap Kanon. Roh Kudus telah memimpin dan mengilhamkan Gereja untuk mengenal pasti mana satu hasil tulisan yang kudus dan berwibawa. Perhatikan bahawa peranan Gereja adalah untuk **mengiktiraf** kewibawaan kitab-kitab dan **bukannya memberi kuasa** kepada penulisannya.

### iii) Bukti Dalaman

Isi kandungannya telah diiktiraf sebagai doktrin yang kukuh serta bersesuaian dengan ajaran rasul-rasul. Buku-buku tersebut membuktikan kesahihannya sendiri; suara Roh Kudus bersaksi kepada roh orang Kristian untuk mengenali sifat sebenar buku-buku tersebut.

Pengarang buku-buku dalam Alkitab turut memetik buku-buku lain di dalamnya, lantas menandakan kewibawaan buku-buku tersebut. Para nabi memetik daripada Taurat dan juga tulisan nabi-nabi yang lain. Tuhan Yesus memetik Perjanjian Lama dan begitu juga dengan para rasul. Petrus menganggap penulisan Paulus sebagai berwibawa.

<sup>15</sup>Anggaplah kesabaran Tuhan kita sebagai peluang yang diberikan-Nya kepada kamu supaya diselamatkan. Paulus, saudara yang kita kasih, juga menulis demikian kepada kamu dengan menggunakan kebijaksanaan yang dikurniakan oleh Allah kepadanya. <sup>16</sup>Dalam semua suratnya, Paulus selalu menulis tentang perkara-perkara itu. Memang ada beberapa hal dalam suratnya yang sukar difahami.


Lalu orang yang tidak tahu apa-apa dan yang lemah iman, telah menyalahafsirkan hal-hal itu. Mereka juga menyalahafsirkan bahagian-bahagian lain daripada Alkitab. Perbuatan itu mengakibatkan kebinasaan diri mereka sendiri. (2 Ptr 3:15,16)

Lihat 2 Petrus 3:15,16 untuk melihat pandangan Petrus tentang penulisan Paulus. Bagaimanakah Petrus membandingkan surat Paulus dengan Alkitab?

### c) Kanon Kitab orang Ibrani (Perjanjian Lama)

Ini adalah Kitab Suci yang digunakan dan diketahui oleh Yesus semasa Dia hidup di bumi Israel. Alkitab yang kita ketahui sekarang (walaupun dalam susunan yang berbeza, lihat Carta 1) telah dianggap sebagai berwibawa pada zaman Kristus. Apa yang penting ialah Yesus menerima Kitab Suci yang diketahui-Nya pada waktu tersebut sebagai Firman Allah yang berwibawa. Rujuk Lukas 24:44. Kitab orang Ibrani terdiri daripada tiga bahagian: Taurat, Nabi-Nabi dan Sastera.

## **Carta 1 : Susunan Kitab Suci Ibrani**



### d) Kanon Perjanjian Baru

Berikut adalah asas-asas yang digunakan untuk menilai dan mengiktiraf kewibawaan sesebuah kitab dan surat di dalam Perjanjian Baru:

- Kata-kata Tuhan Yesus yang dianggap sebagai berwibawa mutlak.
- Laporan saksi mata (para Rasul) juga diterima sebagai berwibawa.
- Hasil tulisan Rasul-rasul (Surat-Surat) diterima, dibacakan kepada umum dan dianggap seolah-olah mereka sendiri hadir di situ. Oleh itu, kewibawaan mereka juga diiktiraf.

Perjanjian Baru yang terdiri daripada koleksi 27 buah kitab dan surat seperti yang kita ketahui hari ini telah diiktiraf secara rasmi oleh Majlis Carthage pada tahun 397 Masihi. Harus diingati bahawa gereja awal tidak mengisyiharkan buku itu diilhamkan. **Apa yang mereka lakukan hanyalah mengiktiraf inspirasi dari Taurat yang telah ada.** Carta 2 menunjukkan perkembangan pengkanonan.

### **Carta 2 : Perkembangan Perkanonan Perjanjian Baru**

#### **200 Masihi**

Perjanjian Baru yang digunakan oleh gereja di Roma.

Keempat-empat Injil  
Kisah Rasul-Rasul  
Surat-surat Paulus:

Roma  
1&2 Korintus

Galatia

Efesus

Filipi

Kolose

1&2 Tesalonika

1&2 Timotius

Titus

Filemon

Yakobus

1&2 Yohanes

Yudas

Wahu Yohanes

Wahyu Petrus

Hikmat Solomo

#### **397 Masihi**

Perjanjian Baru ditetapkan oleh Majlis Carthage

Keempat-empat Injil  
Kisah Rasul-Rasul  
Surat Paulus:

Roma  
1&2 Korintus

Galatia

Efesus

Filipi

Kolose

1&2 Tesalonika

1&2 Timotius

Titus

Filemon

Ibrani

Yakobus

1&2 Petrus

1, 2 & 3 Yohanes

Yudas

Wahyu Yohanes

#### **300 Masihi**

Perjanjian Baru yang digunakan oleh Eusebius

Keempat-empat Injil  
Kisah Rasul-Rasul  
Surat Paulus:

Roma  
1&2 Korintus

Galatia

Efesus

Filipi

Kolose

1&2 Tesalonika

1&2 Timotius

Titus

Filemon

1 Petrus

1 Yohanes

Wahyu Yohanes

### e) Pentingnya Menentukan Kanon Perjanjian Baru

Di zaman Kristian awal, Kanon tidak wujud kerana adanya para Rasul dan surat-surat mereka, dan kerana tradisi oral yang hidup. Pada pertengahan abad yang kedua, kesemua rasul telah meninggal dunia tetapi mesej dan penulisan mereka terus disampaikan. Dengan meningkatnya ancaman ajaran sesat, satu definisi yang jelas berkenaan dengan kewibawaan kitab-kitab Gereja menjadi sangat penting. Kemasukan dokumen Perjanjian Baru dalam Kanon menunjukkan bahawa Gereja Kristian mengiktiraf kuasa dan kewibawaan penulisan ini.

### 3. Penterjemahan Kitab


Wahyu Allah bertujuan untuk membolehkan semua orang mampu mengenali-Nya secara peribadi. Corak fikiran ini telah merangsang keinginan untuk menterjemahkan Firman Allah ke dalam bahasa semua suku dan bangsa supaya setiap orang boleh memahami mesej keselamatan Allah dalam bahasa ibunda mereka.

Pada tahun 400 Masihi, Jerome telah menterjemahkan 66 kitab Perjanjian Lama dan Perjanjian Baru ke dalam bahasa Latin. Terjemahan ini dinamakan Vulgata Latin kerana bahasa Latin merupakan bahasa sehari-hari masyarakat pada waktu itu. Vulgata bererti umum.


Pada tahun 1382, John Wycliffe menjadi orang yang pertama untuk menterjemahkan Alkitab Vulgata Latin ke dalam bahasa Inggeris. Terjemahan bahasa Inggeris pertama yang dilakukan oleh satu jawatankuasa kerja dan bukannya orang persendirian ialah Versi King James pada tahun 1611. Banyak terjemahan bahasa Inggeris lain yang menyusul seperti yang dapat dilihat dalam Rajah 1,2 dan 3.

### Rajah 1: Perterjemahan Beberapa Versi Bahasa Inggeris

Penterjemahan Kepada Beberapa Versi Bahasa Inggeris Modern



## Rajah 2: Beberapa Penterjemahan Alkitab



### Rajah 3: Kronologi Penterjemahan Alkitab Ke Bahasa Melayu

Tahun	Peristiwa	Bahasa/Loghat
1612	Injil Matius diterjemahkan oleh Albert C. Ruyl	Melayu Klasik
1629	Injil Matius Ruyl dicetak di Belanda	Melayu Klasik
1651	Pencetakan Kitab Ruyl-Van Hasel-Heurnius	Melayu Klasik
1668	Perjanjian Baru oleh Brouwerius	Melayu Klasik
1677	Alkitab dialek Maluku oleh Simon de Lange	Melayu Maluku
1733	Alkitab Leijdecker	Melayu Klasik
1758	Alkitab Leijdecker dalam tulisan Jawi	Melayu Klasik
1821	Alkitab Claudius Thomsen & Munsyi Abdullah	Melayu Klasik
1835	Perjanjian Baru dan Mazmur oleh Johannes Emde	Melayu Surabaya
1852	PB Robert Keasberry & Munsyi Abdullah	Melayu Klasik
1863	PB Klinkert	Melayu Rendah
1877	PB Bernhard N. J. Roskott	Melayu Ambon
1879	Alkitab Klinkert	Melayu Tinggi
1910	Perjanjian Baru oleh William Shellabear	Melayu Moden
1912	Alkitab Shellabear dalam tulisan Jawi	Melayu Moden
1913	Alkitab Melayu Baba Shellabear	Melayu Baba
1929	Alkitab Shellabear diterbitkan dalam edisi Rumi (ejaan Malaya) dan edisi ejaan Hindia Timur	Melayu Moden
1938	Perjanjian Baru oleh Werner August Bode	Melayu Moden
1958	Alkitab Terjemahan Lama - PL Klinkert dan PB Bode diterbitkan sebagai satu edisi	Melayu Moden
1968	Alkitab Ende oleh Bouma dan Groenen	Bahasa Indonesia
1974	Alkitab Terjemahan Baru oleh LAI	Bahasa Indonesia
1974	Perjanjian Baru Berita Baik oleh BSSMB	Bahasa Malaysia
1985	Alkitab Kabar Baik oleh LAI	Bahasa Indonesia
1987	Alkitab Berita Baik oleh BSSMB	Bahasa Malaysia
1989	Firman Allah Yang Hidup oleh Yayasan Kalam Hidup	Bahasa Indonesia
1996	Alkitab Berita Baik TMV96 BSM	Bahasa Malaysia
2000	Kitab Suci Injil (Semakan Shellabear)	Bahasa Indonesia
2002	Kitab Suci Komunitas Kristiani berdasarkan teks Katolik Rom oleh Yayasan OBOR	Bahasa Indonesia
2005	Perjanjian Baru World Bible Translation Center (draft)	Bahasa Indonesia
2008	Indonesian Literal Translation	Bahasa Indonesia
2011	Wasiat Baru - King James Indonesia	Bahasa Indonesia

Di Malaysia, Alkitab (Perjanjian Lama dan Baru) juga telah diterbitkan kepada beberapa bahasa suku, walaupun ada penterjemahan tersebut (biasanya bermula dengan Perjanjian Baru) yang mungkin sudah dilakukan seawal tahun 1930-an lagi.

Tahun	Alkitab	Suku
1984	Kitab Tuket Mading (PB)	Kenyah
1998	Bup Kudus	Iban
1990	Buuk Do Kinorohingan	Dusun Kadazan
1990	Surat Tuhan	Kayan
1998	Bala Luk Do'	Lun Bawang/ Lun Dayeh
2002	Tinongaran Nu Kinoringan (PB)	Tombonuo
2003	Rahu Nu Tuhan	Murut Tagal
2011	Bup Kudus Baru	Iban
2011	Rengah Jian (PB)	Penan
2013	Tanau Moonsoi	Murut Timugon
2013	Kitab	Rungus
2014	Buk Kudus	Bidayuh Biatah

## B. Kitab Suci Alkitab

### 1. Buku-buku Alkitab

Istilah ‘Bible’ berasal daripada perkataan Yunani ‘biblion’ yang bererti ‘kitab/buku’. Oleh yang demikian, Bible/Alkitab ialah satu pustaka yang terdiri daripada 66 buah kitab/buku. Ia merupakan hasil tulisan lebih kurang 40 orang pengarang yang datang daripada pelbagai lapisan masyarakat dan

latar budaya dalam jangka masa 1,500 tahun. Alkitab kekal unik kerana memiliki satu tema umum secara berterusan, iaitu rancangan penebusan manusia oleh Allah. Sudah tentulah selang beberapa ketika, teks asli Alkitab tidak boleh dijumpai lagi. Walau bagaimanapun, salinan Alkitab dalam bahasa Ibrani dan Yunani telah ditemukan. Mereka ditulis di atas papirus dan kulit serta disimpan dalam bentuk gulungan skrol. Alkitab yang kita gunakan sekarang adalah terjemahan manuskrip Ibrani dan Yunani, yang biasanya dilakukan oleh satu panel sarjana.

## **2. Perjanjian Lama**

Perjanjian Lama yang kita gunakan hari ini sebenarnya adalah berdasarkan Kitab Suci bahasa Ibrani yang digunakan oleh Tuhan Yesus semasa pelayanan-Nya di bumi. Ia kadang-kadang dipanggil sebagai Kitab Suci Ibrani untuk mengelakkan konotasi kaitan dengan perkataan 'lama' yang membayangkan perkara kuno serta isi kandungan yang sudah tidak relevan. Perkataan 'Perjanjian' itu adalah merujuk kepada 'perjanjian Allah' (dalam bahasa Inggeris, covenant). Teks Perjanjian Lama adalah rekod urusan Allah dengan manusia sebelum kedatangan Yesus Kristus yang membawa perjanjian baru berdasarkan kasih kurnia. 39 buku yang membentuk Perjanjian Lama ialah buku-buku sejarah, hukum, sastera, kata-kata hikmat dan nubuatan. Orang Yahudi membahagikan Perjanjian Lama ke dalam Taurat/Hukum, Nabi-nabi dan Sastera. Ada di antara kitab-kitab itu adalah gabungan daripada beberapa jenis kesusasteraan yang berbeza.

### **3. Perjanjian Baru**

Perjanjian Baru ditulis dalam bahasa Yunani. Ia bermula dengan empat Injil tentang kehidupan, kematian dan kebangkitan Yesus Kristus. Tidak seperti biografi, Injil telah ditulis dengan tujuan yang jelas agar pembaca dapat percaya akan Yesus. Yohanes, penulis Injil yang keempat, menyatakan tujuan tulisannya dalam Yohanes 20:31. Selain Injil, Perjanjian Baru juga mengandungi surat, catatan sejarah (Kisah Rasul-Rasul) dan sebuah kitab nubuat (Wahyu). Perjanjian Baru mengandungi 27 buah kitab.

### **C. Kewibawaan Alkitab**

Untuk memahami Alkitab yang kita baca, kita perlu yakin akan kewibawaan Kitab Suci. Ini bermakna Kitab Suci mempunyai kata pemutus dalam segala perkara tentang iman dan kehidupan. Oleh itu, kita harus membaca dan mempelajarinya dengan tujuan untuk menyerahkan kehidupan dan kepercayaan kita kepada kebenarannya.

Dari segi sejarah pula, kewibawaan Kitab Suci tidak dipersoalkan selepas Perjanjian Baru dikanonkan. Tambahan pula, jika kita percaya bahawa Kitab Suci adalah Firman Allah yang diilhamkan, yang datang dari Roh Allah sendiri, maka sesungguhnya ia mesti berwibawa. Keraguan terhadap kewibawaan Alkitab di sekitar pertengahan abad ke-20 muncul kerana pendekatan skeptikal dalam mempelajari Alkitab.

## 1. Tuntutan Kewibawaan

Lalu Musa menyuruh berkumpul segenap jemaah Israel dan berkata kepada mereka: "Inilah firman yang diperintahkan TUHAN untuk dilakukan. (Kel 35:1)

Baca Keluaran 35:1, Musa menuntut ketaatan dan keakuruan daripada orang Israel terhadap Firman Allah kepada mereka.

- <sup>3</sup> Beginilah firman TUHAN: "Karena tiga perbuatan jahat Damsyik, bahkan empat, Aku tidak akan menarik kembali keputusan-Ku: Oleh karena mereka telah mengirik Gilead dengan eretan pengirik dari besi....
- <sup>6</sup> Beginilah firman TUHAN: "Karena tiga perbuatan jahat Gaza, bahkan empat, Aku tidak akan menarik kembali keputusan-Ku: Oleh karena mereka telah mengangkut ke dalam pembuangan suatu bangsa seluruhnya, untuk diserahkan kepada Edom....
- <sup>9</sup> Beginilah firman TUHAN: "Karena tiga perbuatan jahat Tirus, bahkan empat, Aku tidak akan menarik kembali keputusan-Ku: Oleh karena mereka telah menyerahkan tertawan suatu bangsa seluruhnya kepada Edom dan tidak mengingat perjanjian persaudaraan..." (Amos 1:3,6,9)

Baca Amos 1:3, 6 dan 9. Para nabi yakin bahawa mereka menyampaikan pesanan Allah. Bagaimana Amos memulakan pesanannya? Apakah yang dapat anda ketahui daripada ayat-ayat tersebut?

“Janganlah kamu menyangka, bahwa Aku datang untuk meniadakan hukum Taurat atau kitab para nabi. Aku datang bukan untuk meniadakannya, melainkan untuk menggenapinya.”  
(Mat 5:17)

Yesus mengakui kewibawaan Perjanjian Lama. Baca Matius 5:17. Menurut pendapat anda, apakah yang dimaksudkan oleh Yesus?

<sup>27</sup> Kamu telah mendengar firman: Jangan berzinah.

<sup>28</sup> Tetapi Aku berkata kepadamu: Setiap orang yang memandang perempuan serta menginginkannya, sudah berzinah dengan dia di dalam hatinya. (Mat 5:27,28)

Yesus menganggap kata-kata-Nya yang direkodkan di dalam Perjanjian Baru sebagai berwibawa. Bandingkan Matius 5:27 dengan 5:28. Apakah kesimpulan yang boleh didapati dari kata-kata Yesus?

<sup>37</sup> Jika seseorang menganggap dirinya mempunyai kurnian untuk menyampaikan perkhabaran daripada Allah, atau mempunyai kurnia lain daripada Roh Allah, orang itu harus sedar bahawa apa yang aku tuliskan ini perintah daripada Tuhan. <sup>38</sup>Jika dia tidak mahu menerima. Perintah itu, janganlah pedulikan dia.

(1 Kor 14:37,38)

Para penulis dalam Perjanjian Baru juga mengakui kewibawaan hasil tulisan mereka. Apakah pandangan

Paulus terhadap kata-katanya di dalam 1 Korintus 14: 37, 38?

## 2. Kewibawaan Tertinggi Kitab Suci

Oleh kerana Alkitab berasal daripada Allah, ia adalah sempurna dan kewibawaannya tidak dapat dipertikaikan. Semua tradisi dan amalan-amalan gereja harus ditadbir oleh Alkitab. Sebarang wahyu baru yang dikemukakan oleh sesetengah pihak harus tunduk dan diteliti terlebih dahulu dengan Alkitab. Kepintaran manusia juga mesti dinaungi oleh kewibawaan Alkitab. Wahyu Allah yang maha kuasa adalah lebih tinggi daripada akal manusia yang berdosa. Pendek kata, segala-galanya mesti disemak dengan Alkitab. Jika ia nyata bercanggah dengan ajaran Alkitab, maka ia harus ditolak. Alkitab adalah sumber kewibawaan tertinggi dalam semua perkara berkaitan iman dan kehidupan.

## D. Mempertahankan Alkitab

### 1. Benarkan Alkitab Telah Dipalsukam?

Benar! Tetapi bukan oleh orang Nasrani/Kristian. Pemalsuan-pemalsuan kitab Injil ini terjadi selepas “Berita Baik” daripada Allah ditulis oleh orang-orang yang diberi wahyu. Pemalsuan Injil ini dilakukan

oleh tokoh-tokoh agama palsu yang menyelewengkan ajaran daripada Injil yang asli.

Dalam buku yang ditulis oleh mereka, tokoh-tokoh agama tersebut mengaku diri sebagai para rasul Yesus. Hal seperti ini jelas tidak benar sebab rasul-rasul Yesus yang dimaksudkan sudah meninggal puluhan bahkan ratusan tahun sebelum buku-buku injil palsu tersebut ditulis. Sampai sekarang ini pun kita jumpai berbagai macam bentuk kitab injil palsu yang ditulis oleh mereka seperti Injil Barnabas, Injil Petrus, Injil Tomas, Injil Ibrani dan banyak lagi.

## 2. Injil Barnabas

Injil palsu yang paling baru dan paling mudah untuk dibuktikan kepalsuannya ialah “Injil Barnabas”. Ramai orang belum pernah melihat salinan kitab itu dengan mata sendiri, sehingga mereka sendiri jahil mengenai isi kandungannya. Injil Barnabas dipercayai ditulis antara tahun 1500 dan 1590 di Eropah Selatan dengan tujuan untuk membuktikan bahawa kebenaran-kebenaran Berita Baik tentang Penyelamatan Allah yang asli itu tidak benar. Ia pertama kali dijumpai pada 1920-an dan mula dicetak dan disebar luas pada tahun 1973.

Banyak penyelewengan yang terdapat dalam Injil Barnabas ini. Percanggahan dan kesalahan fakta sejarah yang jelas, peristiwa, geografi tanah Israel dan mata wang yang terdapat dalam Injil Barnabas membuktikan buku tersebut tidak mungkin ditulis pada abad pertama Masihi. Gaya bahasa

Itali dan terminologi yang digunakan mirip dengan tulisan-tulisan Dante di abad ke-14, 1,500 tahun selepas kematian Barnabas! Sedangkan empat Injil yang ada dalam Alkitab (Matius, Markus, Lukas dan Yohanes) ditulis pada abad pertama Masihi!

Mungkinkah seorang Kristian yang percaya teguh kepada Injil berani untuk cuba memalsukannya? Jangan lupa amaran dari Tuhan “Tetapi sekalipun kami atau seorang malaikat dari syurga yang memberitakan kepada kamu suatu injil yang lain dari Injil yang telah kami beritakan kepadamu, terkutuklah dia” (Galatia 1:8)

### **3. Bukti dari Sejarah**

Nas Alkitab pertama kalinya ditulis di atas papirus. Helaian papirus dilekatkan menjadi satu dan digulungkan sebagai skrol. Penemuan Nas Alkitab yang diberi nama sebagai “Skrol Laut Mati” di gua Qumran dipercayai ditulis di atas papirus sekitar 125 SM. Ia adalah satu bukti yang nyata tentang kesahihan Alkitab. Perbandingan kandungan manuskrip (tulisan tangan) lengkap teks Ibrani kitab Yesaya pada skrol tersebut dengan Kitab Perjanjian Lama yang ada tidak banyak perbezaan yang signifikan kecuali ejaan.

Sementara Perjanjian Baru pula pernah terdokumen sebanyak 24,633 manuskrip yang bahasa asalnya ditulis dalam bahasa Yunani. Terdapat kira-kira 5,500 salinan yang masih wujud sampai sekarang. Kebanyakan manuskrip Perjanjian Baru yang terkumpul ditulis antara tahun 150 – 200 Masihi.

Buku-buku Perjanjian Baru sudah tersebar luas sejurus selepas ianya tertulis. Teks dari Matius 26 yang ditulis di atas papirus pada 68 Masihi dijumpai di Mesir dan kini berada di Magdalene College, Oxford. Seandainya Matius masih hidup semasa buku itu ditulis, kenapa dia tidak cuba untuk membetulkannya kalau sudah diubah pada waktu itu?

Beberapa contoh dokumen purba yang mengandungi kedua-dua Perjanjian Lama dan Baru adalah seperti Codex *Sinaiticus* yang ditulis pada pertengahan abad keempat dan Codex *Alexandrinus* ditulis pada awal abad kelima. Kedua-duanya diabadikan di Muzium British di London. Codex *Vaticanus* yang ditulis pada awal abad keempat mengandungi keseluruhan Alkitab dan disimpan di perpustakaan Vatikan di Rom. Codex *Ephraemi* yang ditulis pada awal abad kelima pula disimpan di Perpustakaan Kebangsaan di Paris. Kesemuanya adalah dalam bahasa asal!

Banyak lagi manuskrip papirus yang telah dijumpai dan kesemuanya membuktikan ketulenan teks-teks yang kita miliki sekarang. Mereka wujud sebelum kelahiran Nabi Muhammad (570 Masihi). Jadi bagaimana tuduhan Alkitab telah diubah ini boleh timbul?



Sesungguhnya, mitos bahawa orang Kristian memutarbelitkan Nas Alkitab mereka hanya bermula dengan Ibn-Khazem yang meninggal dunia di Cordoba pada 1064! Semasa berpolemik dengan orang Kristian, beliau mempercayai bahawa “sekiranya kita dapat membuktikan kepalsuan buku-buku mereka, hal itu akan melemahkan hujah-hujah mereka yang diambil daripadanya.” Beliau menemui percanggahan antara Sura 4:157 yang mengatakan orang Yahudi tidak menyalib Yesus. Lalu beliau mengambil kesimpulan, “disebabkan Al Quran semestinya benar, Injil yang bertentangan itulah yang palsu. Tetapi Muhammad memberitahu kita supaya menghormati Injil. Oleh sebab itu, teks yang ada pada masa itu sudah tentu telah dipalsukan oleh orang-orang Kristian.”

Idea ini kemudian dikembangkan oleh Salikh Ibn-al-Khusain (meninggal dunia 1200) dan Ahmed al-Qarafi (meninggal dunia 1285), dan sejak itu dakwaan Alkitab telah dipalsukan menjadi ciri yang kekal untuk pembela-pembela Islam.

#### **4. Kesaksian Alkitab Sendiri**

Apakah kesaksian Alkitab terhadap dirinya sendiri? “Segala tulisan yang diilhamkan Allah...”(2 Timotius 3:16); Petrus mengatakan tulisan-tulisan Paulus sebagai Firman Tuhan kerana “ada orang yang cuba memutarbalikkan ajarannya, sama seperti yang mereka lakukan dengan tulisan-tulisan suci yang lain.” (2 Petrus 3:16) “Hukum Taurat diberikan oleh Musa” (Yohanes 1:17) dan Yesus berkata “Kitab Suci tidak dapat dibatalkan” (Yohanes 10:35).

Perkataan-perkataan-Nya adalah ‘roh dan hidup’ (Yohanes 6:63) dan perkataan-Nya adalah ‘perkataan hidup yang kekal’ (Yohanes 6:68).

Adakah ada orang Kristian yang berani menambah atau mengurangkan sebahagian daripada Firman Tuhan bila sudah diberi amaran keras dalam Wahyu 22:18-19? “Jika seorang menambahkan sesuatu kepada perkataan-perkataan ini, maka Allah akan menambahkan kepadanya malapetaka-malapetaka yang tertulis di dalam kitab ini. Dan jika seorang mengurangkan sesuatu dari perkataan-perkataan dari kitab nubuat ini, maka Allah akan mengambil bahagiannya dari pohon kehidupan dan dari kota kudus...”



### **Soalan Untuk Perbincangan**

1. Apakah perbezaan di antara “Gereja awal mengiktiraf kewibawaan Kitab Suci” dengan “Gereja awal memberikan kewibawaan kepada Kitab Suci”?
2. Mengapa Allah menyampaikan wahyu-Nya melalui interaksi dengan manusia dan bukan secara imlek (berbicara) terus kepada semua generasi dengan menyisihkan elemen manusia?

3. Apakah yang memberikan wibawa (autoriti) kepada Alkitab?
4. Berdasarkan semua yang telah anda baca, apakah sikap yang sewajarnya anda harus miliki terhadap Alkitab?
5. Bagaimana anda yakin bahawa Alkitab itu tidak pernah dipalsukan seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak?
6. Apa bukti dari sejarah yang dapat mempertahankan kesahihan Alkitab?
7. Apa kesaksian oleh Alkitab sendiri tentang kesahihannya sebagai Firman Tuhan?

## **Untuk Peneguhan Iman Kita:**

Lain kali bila anda dicabar tentang kesahihan Alkitab, katakan kepada mereka:

“Di dalam pengalaman dan pengetahuan saya, Kitab Injil adalah benar dan sahih. Jika anda mendakwa Kitab Injil telah diubah dan dipalsukan, bolehkah anda tunjukkan:

- Apakah yang original/asli?
- Apakah yang telah diubah atau dipalsukan?
- Siapakah yang telah mengubahnya?
- Di manakah ia telah diubah?
- Bilakah ia telah diubah?

Jika anda dapat buktikan kesemua itu, baharulah saya mahu mempertimbangkan dakwaan Kitab Injil telah dipalsukan!”